

Wartawan *KOSMO!* antara terima ijazah

# Anak pekerja kilang cemerlang

*KOSMO 15/11/2006 ms. 11*

Oleh AQMAR ALLADAD  
berita@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Walaupun terpaksa bersusah payah bekerja sambil belajar selama lima tahun, Nor Nazihah Chuweni, (gambar) 23, menganggap usahanya itu sangat berbaloi.



Ini kerana graduan Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian) itu akhirnya terpilih menerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor pada majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke-65 pada sidang ke-6 semalam.

Anugerah kecemerlangan tersebut disampaikan Pro-Canselor (UiTM), Tan Sri Dr. Abdul Rahman Arshad.

"Saya biayai sendiri yuran pengajian dengan melakukan pelbagai kerja sambil manakala perbelanjaan bulanan ditanggung ibu bapa saya," katanya kepada *KOSMO!* selepas majlis konvokesyen itu di sini.

Nor Nazihah, anak kepada bekas

pekerja kilang memberitahu, walaupun layak menerima pinjaman tetapi semua itu ditolak kerana mahu berdikari.

"Saya mahu menjadi contoh kepada adik-adik dan hendak bela nasib keluarga supaya masa depan kami berubah satu hari nanti," jelasnya.

Nor Nazihah kini bekerja sebagai pensyarah sambilan sepenuh masa di Jabatan Pengurusan Hartanah UiTM cawangan Perak.

Majlis konvokesyen kali ini turut menyaksikan lapan wartawan *KOSMO!* menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media (Kepujian) masing-masing.

Mereka ialah Manirah Othman, Mohd. Azizi Abd. Majid, Norlida Akmar Idros, Suhana Md. Yusop, Atikah Mohd. Dali, Fadzliana Fadzil, Mohd. Faizal Saharuni dan Mohd. Khairi Mohamad.

Sidang konvokesyen semalam melibatkan 969 graduan.



ANTARA wartawan *KOSMO!* yang menerima ijazah pada Konvokesyen UiTM, Shah Alam semalam. Dari kiri, Mohd. Khairi, Norlida, Suhana, Manirah dan Mohd. Azizi.